

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID
[KUALA KANGSAR]**

SOALAN NO. 275

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk menaik taraf kemudahan-kemudahan di Kolam Air Panas, Kampung Ara Panjang, Kuala Kangsar yang di bawah jagaan MPKK Kuala Kangsar.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini tiada permohonan yang diterima daripada Majlis Perbandaran Kuala Kangsar (MPKK) untuk menaik taraf kemudahan di Kolam Air Panas, Kampung Ara Panjang, Kuala Kangsar. Sekiranya ada permohonan, projek ini akan dipertimbangkan di bawah peruntukan projek pembangunan BP.1 di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). 3 skop utama di bawah peruntukan ini iaitu infrastruktur, kemudahan awam dan sosio ekonomi. Pertimbangan pelaksanaan projek adalah tertakluk kepada keutamaan dan peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.